

R GB 23-10 00157 BA678

b a h

KERAJAAN MAHU JADIKAN MALAYSIA NEGARA YANG DIHORMATI, KATA PM'

Mahathir - Maju

MACHANG, 23 Okt.(Bernama) -- Kerajaan bercita-cita menjadikan Malaysia sebuah kuasa dunia yang ma ju, yang dapat membuat keputusan membantu negara-negara mundur dan bermasalah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, minat serta usaha yang bersungguh-sungguh yang ditunjukkan oleh rakyat akan mendorong negara mencapai matlamat' itu.

+Namun, untuk mencapai matlamat itu, bukan hari ini, esok atau mungkin pada tahun 2020, tapi dengan pelbagai langkah sekarang kejayaan itu akan tercapai,+ katanya kktika berucap marasmikan Xonvenseyn UMNO Kelantan di Sekolah menengah Machang di sini hari ini.

Beliau berkata; +Apa guna kita selamat diri sendiri tapi tak boleh membantusaudarā kita seperti di Somalia yang tak mampu dan lemah.

+Jikakita maju, kuat, kita akan dihormati di mata dunia dan tidak takut membuat sebarang kritikan terhadap negara-negara ma ju lain, + tambahannya. -- Lagi.

♥23/10/15-47MST

R GB 23-10 00155 BA681

bah

Mahathir - Maju 2 Kota Baharu

Dr Mahathir berkata, apabila negara menjadi maju +kita boleh bercakap terus terang dalam dunia antarabangsa dan mengkritik kuasa dunia dan mereka akan merasa terancam. +

+Dahulu ketika Malaysia (ketika mundur) memberikan pendapat kuasa-kuasa dunia tidak berapa peduli, tetapi sekarang mereka sudah merasa ternacam,+ katanya. .

Beliau berkata untuk mencapai matlamat itulah kerajaan mewujudkan Wasasan 2020 supaya rakyat dan negara berdiri samatinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju lain di dunia tanpa mengetepikan agama dan budaya keluarga dan bangsa.

Dr Mahathir juga membidas golongan yang kononnya ingin memperjuangkan wawasan akhirat semata-mata tanpa mengambil berat kewajipan di dunia.

Beliau menasihati rakyat mengimbangi kedua-dua kewajipan antara dunia dan akhirat bagi mencapai kejayaan kedua-duanya .

Untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat rakyat perlu mempunyai ilmu, pengetahuan dan teknologi yang tinggi termasuk ilmu dunia dan akhirat, tambahannya. -- Lagi.

♥23/10/16-08MST

bah

Mahathir - Ma ju (Akhir) 3 Kota Baharu

Menurut Dr Mahathir, wawasan akhirat itu dicipta sebagai satu strategi politik untuk mendapat sokongan rakyat .

Katanya pemimpin-pemimpin yang mencipta wawasan itu meminta penyokongnya supaya memberi tumpuan kepada kerja akhirat sedangkan mereka sendiri terus meikmati kebahagiaan di dunia.

Beliau berkata di samping meminta rakyat berjuang untuk akhirat., pemimpin-pemimpin berkenaan berjuang merebut peluang untuk memegang pelbagai jawatan penting.

+Jika keadaan rakyat miskin seperti di Somalia bagaimana mereka hendak melaksanakan kewajipan kepada Allah 'seperti membayar zakat' atau mengerjakan haji sedangkan untuk hidup pun susah,+ kata beliau.

Perdana Menteri meminta rakyat: bersyukur terhadap keamanan dan keselamatan yang dikecapi di negara ini jika dibanding dengan 'sesctengah negara lain termasuk Somalia dan Bosnia.

Mengenai Kelantan, Dr Mahathir berkata rakyat perlu sedar apa yang telah diberikan oleh Kerajaan PAS dan segolongan kecil Parti Semangat 46 setelah memerintah selama dua tahun.

Katanya rakyat boleh menilai sendiri apa yang dilakukan oleh PAS selain daripada memecat pegawai-pegawai, penghulu-penghulu dan imam-imam yang merupakan tindakan balas dendam.

Beliau berkata kerajaan persekutuan tetap memberikan bantuan dengan kadar yang sepatutnya kepada rakyat Kelantan walaupun mereka menolak Barisan Nasional pada pilihan raya umum lepas. -- Bernama.

▼23/10/16-47MST